



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

6 Oktober 2023

KENYATAAN MEDIA PAC

Lawatan Kerja Rasmi Yang di-Pertua Dewan Rakyat bersama PAC berhubung Kemajuan Projek Kapal Peronda Generasi Kedua - *Littoral Combat Ship (LCS)*

1. PAC telah mengadakan lawatan kerja rasmi bersama Yang di-Pertua Dewan Rakyat, **YB Tan Sri Dato' Johari bin Abdul** ke Limbungan Boustead Naval Shipyard (BNS), Markas Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Lumut, Perak pada 5 Oktober 2023, semalam.
2. **YB Tan Sri Dato' Johari bin Abdul** dan PAC telah mendengar taklimat berhubung Kemajuan Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combatant Ship (LCS)* daripada Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM, **Laksamana Pertama Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph** dan Ketua Pegawai Eksekutif BNS, **Kepten (B) Ir. Azhar Jumaat**.
3. Seperti mana dimaklumkan sebelum ini, Laporan Kemajuan Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship (LCS)* bagi Tentera Laut Diraja Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan bagi Tempoh Oktober 2022 hingga Mei 2023 akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 9 Oktober 2023, Isnin.
4. Susulan daripada kenyataan **YB Tan Sri Dato' Johari bin Abdul** bahawa Laporan PAC berhubung Kemajuan Projek Pembinaan Kapal Peronda

Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship* (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan bagi Tempoh Oktober 2022 hingga Mei 2023 akan dibahas dalam Mesyuarat Ketiga Dewan Rakyat yang akan diadakan dari 9 Oktober 2023 sehingga 30 November 2023. PAC menyambut baik langkah berkenaan kerana ia membuktikan bahawa Parlimen mengambil langkah proaktif sebagai mekanisme semak dan imbang kepada badan Eksekutif/Kerajaan.

5. Ini merupakan perkara bersejarah bukan sahaja kepada Parlimen tetapi juga PAC kerana buat pertama kali, laporan jawatankuasa ini akan dibahaskan berbanding sebelum ini, di mana laporan PAC hanya dibentangkan.
6. Saya akan berbincang lebih lanjut dengan **YB Tan Sri Dato' Johari bin Abdul** berhubung mekanisme perbahasan laporan PAC kelak. Sebagai contoh, usul perbahasan dan penggulangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) semasa Mesyuarat Kedua pada 6 hingga 7 Jun 2023 dilakukan oleh Menteri yang bertanggungjawab untuk setiap isu LKAN yang dibangkitkan.
7. Namun, saya berpandangan bahawa Laporan PAC wajar dibentangkan dan digulung oleh Pengerusi PAC Parlimen dan Ahli-ahli PAC Parlimen.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen